

13/12/2003

Tokyo, Asean dijemput sertai akademi antirasuah

A Ghani Nasir

TOKYO: Malaysia mempelawa Jepun dan negara anggota Asean menyertai Akademi Serantau Bagi Antirasuah dan Pusat Serantau Bagi Memerangi Keganasan yang bakal ditubuhkan di Kuala Lumpur.

Pelawaan itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sesi penutup Sidang Kemuncak Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Asean-Jepun yang berakhir di sini, semalam.

Abdullah berkata, Malaysia juga mengharapkan Jepun memainkan peranan aktif di dalam Akademi Serantau Bagi Antirasuah, terutama dalam menghulurkan bantuan kewangan.

Perdana Menteri berkata, penyertaan Jepun dan Asean bukan saja dapat memudahkan semua pihak memahami masalah yang dihadapi di negara masing-masing, malah dapat mengenal pasti tindakan lebih berkesan untuk memerangi keganasan dan membasmi rasuah.

"Ketika semua negara berusaha untuk mencapai kemajuan, semua pihak mesti menyedari bahawa masih ada masalah yang perlu diperangi di rantau Asean dan jika dibiarkan, akan merugikan mereka.

"Masalah seperti jenayah merentasi sempadan, lanun, pengedaran dadah, rasuah dan pembersihan wang haram dapat menghakis kejayaan itu. Semua ini harus dianggap sebagai membahayakan," katanya kepada wartawan Malaysia sejurus sebelum berlepas pulang ke tanah air petang semalam.

Abdullah juga berkata, sidang kemuncak yang disertai semua pemimpin 10 negara Asean dengan Perdana Menteri, Junichiro Koizumi selaku tuan rumah itu mempamerkan semangat dan kesungguhan untuk meneruskan kerjasama antara Asean dan Jepun.

Katanya, selepas 30 tahun menjalin kerjasama, anggota Asean muncul sebagai negara yang mampu menghasil barangan untuk pasaran di seluruh dunia dan di Jepun sendiri.

Sehubungan itu, katanya, hubungan dan kerjasama dengan Jepun perlu dieratkan lagi ke arah membangunkan kapasiti negara anggota bagi tempoh 20 tahun akan datang walaupun rantau Asean sudah maju berbanding 30 tahun lalu.

"Pemimpin Asean dan Perdana Menteri Jepun berpendapat bahawa masih ada ruang untuk meningkatkan kapasiti dalam bidang teknologi, pertukaran teknologi dan penyelidikan dan pembangunan.

"Dengan cara ini (pembangunan kapasiti), sebuah negara itu akan menikmati tahap pembangunan yang lebih canggih dan mencapai kemajuan dalam bentuk tambah nilai berdasarkan kepada kemajuannya dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Perdana Menteri yakin Pelan Tindakan Asean-Jepun yang ditandatangani pemimpin di akhir sidang itu semalam akan menjadi rangka kerja dinamik yang memangkin hubungan Asean dengan Jepun.

Selain Pelan Tindakan Asean-Jepun, pemimpin menandatangani Deklarasi Tokyo yang menggariskan langkah-langkah yang dapat mengukuhkan hubungan Asean-Jepun yang memberikan manfaat bersama di abad ke-21 ini.

Sementara itu, pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Malaysia (TUDM) Subang, sekembalinya dari Jepun malam tadi, Abdullah berkata beliau berpuas hati dengan hasil Sidang Kemuncak Kenang-Kenangan Asean-Jepun, yang juga lawatan pertamanya ke luar negara selepas menjadi Perdana Menteri.

Beliau juga puas hati kerana mesyuarat sidang Asean dan perjumpaan dengan ketua negara lain serta Jepun cukup berjaya dengan semua pihak menunjukkan kesediaan serta kesungguhan mengeratkan lagi hubungan dua hala.

"Maklum balas dari negara lain juga amat memberangsangkan, tidak ada masalah langsung. Saya sempat berjumpa dengan semua ketua negara Asean

kecuali Kemboja kerana masa tidak sesuai.

"Mereka semua mengalu-alukan serta ucap tahniah kepada saya kerana mengambil alih daripada Tun Dr Mahathir Mohamad dan berharap saya akan teruskan hubungan baik yang terjalin dengan negara Asean," katanya.

Turut menyambut kepulangan beliau, ialah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin dan beberapa menteri Kabinet.